

11 JUN 2001

Mahathir-Globalisasi

NEGARA ISLAM PERLU BERTINDAK BERSAMA DALAM MENCORAKKAN GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara Islam perlu bertindak secara bersama dalam mencorakkan globalisasi untuk memastikan ia boleh memberi manfaat kepada mereka dan dunia seluruhnya.

Perdana Menteri berkata negara Islam tidak boleh menolak globalisasi dengan begitu sahaja tetapi mereka boleh mempengaruhi interpretasinya, menyelaraskan pelaksanaannya, mengubah asasnya dan mencorakkannya semula.

"Globalisasi tidak semestinya bermakna dunia tanpa sempadan. Sempadan masih boleh wujud dan seharusnya dihormati," kata beliau kepada peserta seminar antarabangsa mengenai Kesan Globalisasi Terhadap Dunia Islam: Isu Dan Cabaran Pada Abad Ke-21.

Beliau berkata dengan adanya teknologi moden, segala bentuk maklumat boleh merentasi sempadan tanpa sekatan.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata negara Islam boleh mamajukan perisian malah juga perkakasan yang boleh menolak sekurang-kurangnya sebahagian daripada unsur-unsur buruk yang datang bersama-sama dengan maklumat itu.

Beliau berkata negara Islam perlu ingat bahawa mereka telah terlepas sama-sekali daripada Revolusi Perindustrian kerana mereka sibuk berbahas sama ada modernisasi sesuai dengan Islam atau tidak.

"Sementara mereka saling mengecam antara satu sama lain mengenai perkara remah tentang sains dan agama, sementara mereka menimbang bertahun-tahun sama ada tenaga elektrik boleh digunakan dalam masjid atau tidak, negara Eropah sibuk menggunakan pengetahuan baru mereka mengenai perkara yang bercorak mekanikal, tentang kejuruteraan, dan mengurangkan tenaga buruh untuk digantikan dengan jentera," katanya.

Dr Mahathir berkata negara Islam kini sekali lagi ketinggalan di belakang dalam Revolusi Maklumat, yang akan menjadikan dunia lebih kecil dan menyebabkan umat Islam terpaksa berhimpit dengan segala bangsa, yang bukan sahaja berbeza daripada segi agama tetapi juga mempunyai nilai moral yang berlainan.

Beliau berkata umat Islam tidak mungkin dapat memencilkan diri mereka sendiri lagi, sebagaimana pada masa lampau kerana serangan terhadap dunia Islam sudahpun berlaku dan semakin meresap.

"Kini kita menghadapi globalisasi, sebuah dunia tanpa sempadan. Bolehkah kita menahan kemasukan sesuatu dari luar jika kita tidak mempunyai sempadan? Pesawat pengintip dan satelit sedang meninjau dari atas ke arah kita dan melihat segala apa yang kita lakukan. Tidak ada lagi perkara yang sulit sedangkan umat Islam adalah orang yang sangat suka bersulit," katanya.

Perdana Menteri berkata golongan yang memperjuangkan globalisasi sedang dengan giat menyediakan diri mereka untuk merebut peluang daripada pasaran dunia tanpa sempadan.

Mereka datang bersama-sama dengan bank dan perbadanan gergasi, mengambil alih dan menyatukan, menjadi semakin besar daripada kebanyakan negara, malah boleh membeli negara jika mereka mahu, katanya.

"Mereka sebenar-benarnya berkuasa dan sangat berpengaruh. Mengurangkan pelaburan, menarik keluar modal, menurunkan nilai mata wang, mengenakan tekanan terhadap kerajaan supaya berubah dan mengadakan peraturan yang memberi faedah kepada mereka, malah pelbagai lagi perkara lain boleh dilakukan oleh gergasi ini yang baik untuk mereka tetapi tidak semestinya baik bagi negara tempat mereka menjalankan operasi atau bagi dunia

seluruhnya," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam boleh diserang oleh idea dan nilai serta tatasusila yang asing bagi mereka, yang membawa kesan yang sama dengan serangan ketenteraan.

"Malahan ia lebih buruk daripada itu kerana setiap aspek hidup kita akan diserang. Pemikiran kita akan diserang. Malah agama kita pun akan diserang," kata beliau.

Dr Mahathir berkata malangnya sebilangan orang Islam di kebanyakan negara Islam tidak melakukan apa-apa untuk menyelamatkan diri mereka tetapi cuba mencegah orang Islam lain daripada mengambil tindakan awal dengan secara tegas membantahnya.

Beliau berkata sama ada pelik atau tidak, setiap kali negara Islam cuba mengambil langkah positif untuk maju selaras dengan perkembangan di bahagian lain dunia, dan untuk mencegah diri mereka daripada dikuasai oleh pihak lain, maka akan terdapat kumpulan Islam yang fanatik yang menjalankan usaha supaya umat Islam terus ketinggalan dan mudah dipengaruhi atas nama Islam sendiri.

Beliau menegaskan bahawa negara Islam dan kerajaan Islam mempunyai tanggungjawab untuk memastikan globalisasi tidak akan mengakibatkan negara mereka terpinggir sebagaimana yang berlaku ketika Revolusi Perindustrian dan Era Perindustrian dahulu.

"Kali ini kita tidak mampu lagi menjadi sedemikian. Jika sekali kita terlepas peluang untuk bergerak seiring dengan kemajuan radikal dan pesat yang sedang berlaku hasil daripada teknologi dan sains, perubahan yang dibawanya terhadap persepsi dunia mengenai sesuatu perkara, idea dan konsep baru dalam perhubungan manusia dan antarabangsa; jika kita terlepas semua ini dan gagal menanganinya, maka ketika itu kita bukan sahaja akan dipinggirkan, tetapi kita akan dikuasai dan akan ditakluki buat semala-lamanya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata umat Islam terpaksa menerima dan mengamalkan ideologi, konsep dan nilai yang asing kepada mereka, dan cuba memahami globalisasi.

"Setelah memahami ini, kita mesti menyediakan diri kita bukan sahaja untuk menepis bahayanya tetapi untuk menggunakan globalisasi bagi membolehkan kita mengejar kemajuan yang dicapai oleh negara lain dalam Teknologi Maklumat dan dalam kemampuan perindustrian," kata beliau

-- BERNAMA

HS AZZ NMO